KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN HARIAN KHAMIS, 10 APRIL 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




10/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **MANGSA TRAGEDI PUTRA HEIGHTS TERIMA BANTUAN, SOKONGAN BERTERUSAN NGO** | | **POSITIF** |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/mangsa-tragedi-di-putra-heights-menerima-bantuan-sokongan-berterusan-ngo/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/09/ngo-salur-bantuan-hampir-rm30000-kepada-mangsa-putra-heights | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205715/ngo-individu-prihatin-sumbang-permainan-untuk-kanak-kanak-di-pps-putra | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **LETUPAN PAIP GAS DI PUTRA HEIGHTS: 219 KELUARGA SUDAH TERIMA BANTUAN TUNAI** | | **POSITIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1382373/letupan-paip-gas-di-putra-heights-219-keluarga-sudah-terima-bantuan | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://theedgemalaysia.com/node/750907 | THEEDGEMALAYSIA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205675/kerajaan-salur-bantuan-bencana-rm147-juta-kepada-selangor | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **KEBAKARAN SALURAN GAS: ADA MANGSA PERLU DUA SESI KAUNSELING** | | **NEUTRAL** |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/721906/berita/nasional/kebakaran-saluran-gas-ada-mangsa-perlu-dua-sesi-kaunseling | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **SISTEM KESELAMATAN KANAK-KANAK PERLU DIPERKASA** | | **POSITIF** |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/721803/suara-sinar/analisis-sinar/sistem-keselamatan-kanak-kanak-perlu-diperkasa | SINARHARIAN.COM.MY | |




10/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **BSMM TERUS HULUR BANTUAN KEPADA MANGSA TRAGEDI PUTRA HEIGHTS** | | **POSITIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/04/09/bsmm-terus-hulur-bantuan-kepada-mangsa-tragedi-putra-heights/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205699/tunku-temenggong-kedah-santuni-mangsa-kebakaran-putra-heights | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2025/04/1199425/assistance-putra-heights%C2%A0victims-must-be-tailored-individual-needs | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **KANAK-KANAK LELAKI 11 TAHUN HAMILKAN SEPUPU 15 TAHUN** | | **NEGATIF** |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-lelaki-11-tahun-hamilkan-sepupu-15-tahun-515823 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/721859/edisi/kelantan/kanak-kanak-lelaki-11-tahun-hamilkan-sepupu-15-tahun | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/04/09/kes-rogol-sumbang-mahram-di-kelantan-meningkat-polis-dedah-budak-lelaki-11-tahun-hamilkan-sepupu | MSTAR.COM.MY | |
| | https://says.com/my/seismik/kanak-kanak-lelaki-11-tahun-hamilkan-sepupu-remaja-perempuan-15-tahun-di-kelantan | SAYS.COM | |
| | https://ohbulan.com/kanak-kanak-11-tahun-ditahan-polis-selepas-hamilkan-sepupu-15-tahun/ | OHBULAN.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/739601 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/106807/major-concerns-over-underage-sexual-offences-as-11-year-old-boy-impregnates-15-year-old-cousin | THEVIBES.COM | |
| | https://lobakmerah.com/kes-sumbang-mahram-bawah-umur-membimbangkan-budak-lelaki-11-tahun-hamilkan-sepupu-15-tahun-polis-kelantan/ | LOBAKMERAH.COM | |




10/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **POLIS TAHAN WANITA DISYAKI DERA ANAK** | | **NEGATIF** |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-wanita-disyaki-dera-anak-515837 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/04/09/ibu-kandung-gigit-cucuk-anak-dengan-gunting-direman/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2410646 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/police-arrest-woman-for-suspected-child-abuse-NK13911639 | THESUN.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205735/ibu-kandung-dera-anak-guna-gunting-ditahan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/polis-tahan-ibu-dera-anak-guna-gunting/ | BULETINTV3.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **90% KES ROGOL DI KELANTAN LIBAT REMAJA BAWAH UMUR, ATAS DASAR RELA** | | **NEGATIF** |
| | https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/90-kes-rogol-di-kelantan-libat-remaja-bawah-umur-atas-dasar-rela | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205683/kes-rogol-sumbang-mahram-di-kelantan-kian-membimbangkan-polis | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/04/konflik-keluarga-cinta-bawah-umur-punca-sumbang-mahram-dan-rogol-di-kelantan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/721832/berita/semasa/kes-rogol-senjata-api-dan-dadah-meningkat-di-kelantan | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/dunia/sukan/news.php?id=2410636 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/09/polis-bimbang-peningkatan-kes-sumbang-mahram-rogol-di-kelantan | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=kfZ3JZwKQxU | YOUTUBE | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1382165/kes-rogol-sumbang-mahram-di-kelantan-membimbangkan-polis | BHARIAN.COM.MY | |




10/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-rogol-sumbang-mahram-di-kelantan-meningkat-515834 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/04/09/rape-and-incest-reports-surge-22-in-kelantan-says-cops | THESTAR.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/rape-and-incest-reports-surge-22-in-kelantan-police-HK13912270 | THESUN.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/09/theyre-getting-younger-kelantan-police-battle-disturbing-surge-in-underage-sex-cases/172415 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/739597 | MALAYSIAKINI.COM | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/04/09/ada-kes-anak-buah-minta-tidur-bersama-bapa-saudara/ | KOSMO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **BUANG BAYI DALAM MANGKUK TANDAS, IBU DAN ANAK DIDAKWA ESOK – POLIS** | | **NEGATIF** |
| | https://www.buletintv3.my/mahkamah/buang-bayi-dalam-mangkuk-tandas-ibu-dan-anak-didakwa-esok-polis/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205907/buang-bayi-dalam-tandas-2-beranak-didakwa-esok | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1382442/buang-bayi-dalam-tandas-dua-beranak-akan-didakwa-esok | BHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | **BEKAS KAKITANGAN JKM SARAWAK DIDENDA RM180 JUTA, PENJARA BERJUMLAH 468 TAHUN** | | **NEUTRAL** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1382314/bekas-kakitangan-jkm-sarawak-didenda-rm180-juta-penjara-berjumlah-468 | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-pembantu-tadbir-jkm-sarawak-dipenjara-berjumlah-468-tahun-didenda-rm180-juta-515882 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205781/bekas-kakitangan-jkm-dipenjara-468-tahun-denda-rm180-juta | HMETRO.COM.MY | |

10/4/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| | https://thevocket.com/pecah-amanah-bekas-pembantu-tadbir-jkm-sarawak-dipenjara-468-tahun/ | THEVOCKET.COM | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/04/09/bekas-staf-kewangan-jkm-dipenjara-12-tahun-denda-rm180-juta | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php/?id=2410850 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=lhJg3KCapuc | YOUTUBE | |
| | https://www.thevibes.com/articles/news/106808/ex-sarawak-welfare-officer-gets-468-years-jail-rm180m-fine-three-strokes-for-embezzling-rm16m | THEVIBES.COM | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/ex-sarawak-welfare-officer-sentenced-to-468-years-in-prison-for-money-laundering-cbt-OK13913296 | THESUN.MY | |
| | https://www.bernama.com/en/news.php?id=2410825 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/04/1199561/ex-social-welfare-dept-admin-assistant-sentenced-total-468-years | NST.COM.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/04/09/former-sarawak-welfare-officer-sentenced-to-468-years-rm180m-fine-for-embezzling-rm16m/172422 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://theedgemalaysia.com/node/750904 | THEEDGEMALAYSIA.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **ROGOL ANAK, BAPA TIRI DIPENJARA 30 TAHUN, 36 SEBATAN** | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/04/1205742/rogol-anak-bapa-tiri-dipenjara-30-tahun-36-sebatan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2025/04/buruh-rogol-anak-tiri-dihukum-penjara-36-sebatan/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=m09wE8KqA64 | YOUTUBE | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/04/1382244/mengaku-rogol-anak-tiri-remaja-buruh-dipenjara-30-tahun-dan-36-sebatan | BHARIAN.COM.MY | |

# Mangso trogedi Putro Heights terima bontuon, sokongan berteruson NGO



Oleh ANEES RAUDI—AH AZfV'AN 202o, or

PETALING JAYA: Pertubuhan Impian Kemojuon Negara (IKN) dengan kerjasara Kementerian Pembangunon Wanita, Keluarga aan Masyarakat; Yayosan Kebajikan Negara aan Pertubuhan Pemerkasoan Komuniti Malaysia (MPOWER) menyalurkan bontuon kepada mangsa kebakaron saluran paip gas di Kampung Sungai Baru yang kini ditempatkan ai Pusat Peminaanan Sementaro (PP5) Dewan Serbaguna Mosjid Putra Heignts di sini.

Pengerusi IKN, Danial Rolig Moho. Pathil berkata, bekolan penting seperti mi segero, air kotak, kopi segero, biskut dan keperluon asas loin oiedarkan bagi meringankon beban mongso.

“IKN komited memberi sokongon berterusan aan memupuk perpaauon dalam menghoaopi masa sukar ini, sambil mendoakan semoga mangsa diberi kekuatan dan ketabahan. Kami berdiri bersama semua yang terjejas oleh trageai ini,° katanya aalom kenyataan.

Beliau turut melowot tempat kejaaian bagi menilai keodaan don memberi sokongan kepado mangsa. —U"U?1N




# Letupan paip gas di Putra Heights: 219 keluarga sudah terima bantuan tunai

Oleh Ruwaida Md Zain - April 9, 2025 @ 6:18pm
bhnews@bh.com.my




Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (tengah) semasa sidang media mengenai perkembangan berkaitan kejadian kebakaran saluran paip gas yang berlaku di Putra Heights pada 1 April lalu di Wisma Dewan Annexe Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor hari ini. - Foto BERNAMA

SHAH ALAM: Sejumlah 219 ketua keluarga yang terjejas dalam insiden letupan paip gas di Putra Heights masing-masing sudah menerima sumbangan tunai RM10,000 dan RM5,000.

Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan negeri sudah memuktamadkan seramai 469 ketua isi rumah yang layak untuk menerima sumbangan sama ada RM10,000 atau RM5,000 yang diumumkan sebelum ini.

"Proses penyerahan fasa pertama sudah diselesaikan pada hari Isnin membabitkan 219 ketua isi rumah sama ada yang musnah sepenuhnya atau separa musnah.

"Selebihnya 250 lagi akan menerima sumbangan dalam minggu ini, insya-Allah kita yakin kita akan dapat menyelesaikan sumbangan pada akhir minggu ini," katanya dalam sidang media di Wisma Dewan Annexe di sini hari ini.

Amirudin berkata, mulai malam ini, laman sesawang dibangunkan bagi menerangkan semua bantuan yang diberikan termasuk sumbangan tunai, bantuan sewa, kenderaan dan sebagainya.

Pada masa sama katanya, sejumlah 469 keluarga yang disahkan sebagai penduduk terkesan akibat insiden itu oleh Pejabat Daerah Petaling dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Angka ini berbeza dengan jumlah yang mendaftar dengan PPS, iaitu seramai 613 keluarga yang meliputi kawasan di luar daripada taman perumahan dan kampung yang terkesan.

"Pejabat Daerah Petaling akan memuktamadkan proses verikasi ini

menjelang Jumaat ini," katanya.

Beliau berkata, mulai Isnin depan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor akan membantu keluarga yang kehilangan geran akibat insiden terbabit.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | RM100,000 FROM SELANGOR EXCO, REPS, CIVIL SERVANTS | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | 07 |
| TONE | POSITIF | SEKTOR | KPWKM |

# RM 00,000 9X¢O, reps, CÏMÏ

SitA¥i AuAz4: Selangor cxecutlve councl1members,stateassembly-menaud clvll servants wlll lolntly contribute more than RMiOO,OOO tothe TabungPrihadnSelangor.

The fund. Menterl Besar Datuk Señ Amlnidln Shañ said. would be used to aid in the recovery ef-fortsofthose affectedbythe Putm Helghtsgas plpellne fire.

"As a show of solldarity and to ease the burden of those affected, contributions will be made from th!s month'ssalarles.

*Each executive counclllor and senior officer will contrlbute RM1,00Q, wblle eacï› assembly-man wlllcontributeRM2tKi.

'Local counclllors will con-trlbute RMIOO each and cMl ser-vants of Grade 48 and above wlll contribute RMSOeach*hetoldre-portersattheSelangorLegislative AssembfybulldInghere.

AmtnutInsaJdt1›etotaJaozount expected to be collected was RXt1oz.050.

de hope this contribution will helpeasetheburdenofallvictlms who are ln the process of rebulld-lngtbelrlIves.'hesald.

The menteñ besar added that websltes explalnlng the avallable aselstance would go ltve startlng tonlght.

-Azuong the assistance avail-able is rental aid, which will be implementedby‹liestategovem-ment, Petronas representatives and variousother parties.

h e r e arealso many other con-tributions. such as care. motorcy-cles and more. Thèse too will be llsted on the webslte."

Aoilrudln sald the webslte would provide a link for eligible Individuels to apply for aid and allow the public to monltor the progress ofdlstñbutions.

'For example, if RMI0,ŒIO aid has been distributed to the recip-lents. by tomorrow or Monday. tt may reach all the rœlplents or all heads ofhouseholds.

'All this information can be checked on the websltn"

# Kebakaran saluran gas: Ada mangsa perlu dua sesi kaunseling

MOHD AZLIM ZAINURY Follow

09 April 2025 04:24pm



Pasukan ini terdiri daripada pakar psikiatri, psikologi, dan kesihatan awam yang menyediakan sokongan dalam menguruskan tekanan emosi akibat bencana.

SUBANG JAYA - Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor menempatkan 15 kaunselor sejak hari pertama operasi pusat pemindahan sementara (PPS) di Masjid Putra Heights, Subang Jaya di sini.

JKM Selangor memaklumkan, kumpulan kaunselor ini bertugas memberikan sokongan emosi dan kaunseling kepada mangsa-mangsa terjejas, membantu mereka mengatasi trauma dan tekanan akibat bencana.

"Kaunseling ini dijalankan secara individu dan berkumpulan, dengan beberapa kes memerlukan sokongan berterusan lebih daripada dua sesi, namun tiada kes yang dikategorikan sebagai terlalu serius," ujarnya kepada Sinar Harian pada Rabu.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia turut menggerakkan pasukan Inisiatif Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) bagi memberikan bantuan psikologi melalui sesi 'Psychological First Aid' (PFA) kepada mangsa.



Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO menunjukkan komitmen yang tinggi.

Pasukan ini terdiri daripada pakar psikiatri, psikologi, dan kesihatan awam yang menyediakan sokongan dalam menguruskan tekanan emosi akibat bencana. NGO seperti Mercy Malaysia juga turut terlibat dalam menyediakan sokongan psikososial kepada mangsa dan petugas barisan hadapan.

Yayasan Kebajikan Negara (YKN) juga membuka Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) yang menyediakan perkhidmatan kaunseling bergerak melalui booth dan trak untuk memberi sokongan kepada mereka yang terjejas, termasuk mangsa keganasan rumah tangga.

Pusat ini menawarkan kaunseling dan bimbingan untuk membantu individu mengatasi stres dan kebimbangan selepas bencana kebakaran paip gas Putra Heights berlaku 1 April lalu.

Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO menunjukkan komitmen yang tinggi dalam memastikan kesejahteraan mental mangsa terjaga sepanjang tempoh pemindahan.

Diharapkan dengan sokongan ini, mangsa-mangsa terbabit dapat pulih dan kembali menjalani kehidupan mereka seperti biasa.

Sehingga Rabu petang, seramai 333 mangsa masih ditempatkan di PPS Masjid Putra Heights dan dijangka bertambah susulan PPS Dewan Camelia ditutup pada Rabu atau Khamis.

# Sistem keselamatan kanak-kanak perlu diperkasa

MUKHRIZ MAT HUSIN Follow

09 April 2025 08:50am



Pendedahan mengejutkan mengenai punca kematian Zayn Rayyan Abdul Matin, seorang kanak-kanak autisme, sekali lagi menyentap hati rakyat Malaysia.

PENDEDAHAN mengejutkan mengenai punca kematian Zayn Rayyan Abdul Matin, seorang kanak-kanak autisme, sekali lagi menyentap hati rakyat Malaysia.

Zayn bukan sahaja dijerut sehingga mati, malah turut mengalami kecederaan fizikal dan seksual akibat objek tumpul yang dimasukkan ke bahagian dubur serta kesan lebam di lelangit mulut akibat kemasukan paksa objek asing.

Itu antara pendedahan yang dibuat oleh Pakar Perubatan Perunding Forensik Jusa C (M), Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Pasir Gudang Johor, Dr Rohayu Shahar Adnan ketika perbicaraan kes pengabaian mangsa, dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal membabitkan, Zaim Ikhwan Zahari, 30, dan isterinya, Ismanira Abdul Manaf, 30.

Bagaimanapun beliau berkata, benda asing itu tidak membawa kepada kematian kerana punca kematiannya bukan tercekik.

Kes melibatkan anak istimewa ini menjadi perhatian ramai pihak kerana ia menggambarkan realiti yang boleh terjadi dalam ruang paling selamat – rumah sendiri.

Dalam isu ini, peranan ibu bapa amat penting kerana cabaran menjaga kehidupan kanak-kanak autisme berbeza.

Mereka memerlukan penjagaan rapi, pengawasan penuh kasih sayang dan perhatian yang tinggi.

Selain ibu bapa, masyarakat dan institusi berkepentingan juga perlu membantu bagi memastikan keselamatan dan sistem perlindungan anak-anak di negara ini terjamin.

Namun begitu, persoalannya bagaimana kerajaan perlu memastikan sistem keselamatan dan kebajikan kanak-kanak terutama golongan autisme terjamin seiring dengan perkembangan semasa.

Kes penderaan kanak-kanak bukan sesuatu yang luar biasa malah, sudah sering berlaku termasuk di negara ini. Jika dibiarkan lebih ramai nyawa anak yang tidak berdosa akan menjadi mangsa.

Justeru dari segi perlindungan keselamatan, amat penting undang-undang sedia ada seperti Akta Kanak-Kanak 2001 perlu dikuatkuasakan secara menyeluruh.

Pelaksanaan hukuman yang tegas pada pelaku juga dapat membantu dalam mengurangkan kes-kes seperti ini.

Selain itu, di peringkat komuniti, kempen kesedaran tentang penderaan sama ada fizikal, emosi dan seksual terhadap kanak-kanak perlu diperkasa.

Langkah berkenaan penting bagi memastikan ibu bapa dan masyarakat memahami penjagaan anak istimewa sekali gus dapat mengelakkan kejadian sama berulang.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | : TELITI KEPERLUAN KHA3 MANGSA | | |
| HARI | XHAMIS | AKHBAR | HARIAN METRO |
| TARIKH | 10 APR.2025 | M/SURAT | 03 |
| TONE | POSITIF | SEKTOR | KPWXM |



TUNKU Puteri Intan Safinaz (tengah) berkenan mendengar cerita mangsa, Nur Nainie Najwa Mohmad Johar di PPS Masjid Putra Heights, semalam.

PUTMA HEIGXW BERGEGAR

# Tefiti keperlum Mas mmgsa

Oleb btuhamad Lokman KhaizJ dan Xur AIlf Haxmi Sufflan
8FI1(@bi33et¥O.COIt3.M

**Subang Jaya**

unku Temeriggnng Kedah, Tunku Puteri lntan Safinaz Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah bertitah supaya setiap keperluan khas mangsa kejadian saluran paip gas me• **letup dan terbakar di Putra Heights, diteliti.**

Baginda **yang** juga **Penge**rusi Kebangsaan Bulan Sablt Merah Malaysia IBSMM) bertitah, golongan rentan seoerti warea emas, kanat-kanak ‹fan orang kurang upaya fOKU) cedera **dalam insiden itu memer**lukan penjagaan khusus.

'Apa yang saya dapat li**hat daripada beberapa** orang yang saya temui, terdapat perasaan bimbang terhadap kecederaan yang berlaku kepada ibu bapa mereka. terutamanya golo• ngan wazga emas kerana ramai daripada **mereka** menghidap diabetes dan mengalami luka lecur yang sukazsembshdanmemer - lukan penjagaan khas.

'Saya rasa (banman ke**pada) golongan yang paling** terdedah seperti warga emas dan OKU perlu dilihat secara îadividu, bukannya **hanya sebagai satu kumpu**lan, titah baginda.

TecdahuJu, Tuzıku Puteri Intan Salinaz mefuangkan **masa lebih satu jarn me**nyantuni 37q mangsa daripada 92 keluarga yang berlinduag dipusat pemindahan sementara (PPS) Masjid Putta Heights di sini. semalam.

Tunku Puteri lntan Safi**naz turut menmhirkan** penghargaan kepada agensi kerajaan yang **bekerjasama** memberi soWngan yang diperlukan dari segi infras**truktur** dan dokumentasi kepada mangsa terjejas.

"Saya mınta kesınambungan inididteruskandi masa hadapan dan kita tidak lupa akan keperluan mereka di jangka masa panjang," titah bagtnda.

## Luang masa lebih satu jam santuni mangsa di PPS

Subang Jaya: Tıxdku Terrenggong Xedaf\ Tonku Puteri Intan Safkız Sdlam Abdu Haûvr uM'adzam Shah berkenan betangkat rrenyanturû mangsa sdwan pzgo gas meletup dan terbakar di Putra Heighcs, dipusat pemúdahan serrentara (PPS) Masjd Putra Heights. di süs swnalant

Keberant§atan tiba baginda yang juga Pengerusi Kebangsaan Bulan Sabit Merah ualaysia IBsuul, jam JO.48 pagi asambut isteri Menteri Besar Selangor, Dato Seri Masdiana Muhamad dan Naib Pengerusi Kebangsdari BSMM Datuk Seri SuhaPni yacob

Turıku PLsefi Intan Safauz meLuangkan masa letsh salu jam menyariturti serta rnengurniakan sumbangan pek makanan kepada 379 mangsa daripada 97 lekuarga yang berlindung di PPS be4kenaan.

Sementara itu, Setiausaha Agung BSMM Datuk Darjal Iskandar Abdul Rafman berkata, lawatan ba@da rnenggartÖarkan komitYen BSMI\t ixituk sentlasa ber5ama masyarakat yang terkesan akibat bencana, bukan sahaja dengan bantuan kemanusiaan tetapi juga sokongan berterusan sepanjang proses perrxdhan.

"Sukarelawan ini adalah antara yang pertama tiba di lokasi kejadian untuk rnatiterikan pertolongan cetns kepada mangsa melecur sma merröaritu pern idahan rrereka yang cedeta ke fospital berdelcatan," katanya.

> "Sukarelawan ini antara yang pertama tiba di lokasi kejadian"
> Danial Iskandar




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | : PROVIDE:SŒCIAL:CARE FOR.!.ELDERLY GAS'.BURN VIC1MS'. | | |
| HARI | XHAMIS | AKHBAR | THE':STAR' |
| TARIKH | "10:AP.R 2025: | M/SURAT | :Œ |
| TONE | POSITIF | SEKTOR | KPWXM |

# 'Provide speciaì care for elderìy gas burn victims'

By MARTIN CARVALHO
mart3@thestar.com.my

**SUBAXG ţAVA: Provide** spedal care for the elderly gas burn victims and those with underlying health issues, says Tãn Srt Tunku Puteń kitan SaAnaz A1martium Sultan Abdul Halim Mu'adzam Sha

The Tunku TemengŞong of Ifedah, who is Malaysian Red Crescent ÌMRC) chairperson, æid this is among the concerns expressed by several families of bum victims foßowing the recent gasppeUneDoœnPuaaHeighm.

mme of them are worried for their elderly parents who are diabetic æ the bum wound will take a )onger čme to heãk

-1 think these victims need special care," Tunku Puteri lntan 5aBnaz told reporters aAer visiting the temporary relief centre at the Putra Heights mosque yesterday.

Tunku Puteri lntan SaAnaz said



**ListWslng** kztæztłyt Tunku Puteri lntan Safinaz(centre) with one of the victims of the gas pipeline blast. —Bersama

youngücMnswhomshe met are more resilient in facing the challenges.

"I think the elderly and those with special needs are the uïtnerable groups.

leIp kas to be tailored Io each person." the T\utlcu Temeri$gong oI Ifedah added.

As of Tuesday, 39 out of the tS0 victùus of the gas pipeline ôze were still receiving treatment at hospital and clinics.

The Health Ministry said l7 victims were being treated at government hospitals and 22 others at private facilities, including one in Iżie intensive care uniL

A total of ll t patients have since been distharge&

Tunku Puteri lntan Salmat said Kampung Kuala Sungai Baru villagers who lost their homœ or forced to evacuate should be given the opäon to rebuild their houses.

mme of them want to remain in their oaditionał kampung.

h e z e are also villagers who don't mind moving elsewhe-e," said Tünku Puteri lntan Safmaz.

On April 1, a gas pipe\ine ßre broke out in Putra Heights resulting in ßamœ soaring over 30m kîgh with temperatures reaching t,œ0•c.

The fire took nearly eight hours to be exón$uìshe&

A total oI87 houses have since been declared Total loss- wh1Ie 148 others are deemed æfe and can be re-occupied afier repair works.

Earlier, Tunku Puteri lntan Safinaz presented victims with MRC aid packages, comprısıng donations from several private companies, and spent about an hour meeting affected famllles.

Meanwhile, those living at the temporary shelters have expressed satisfaction at the help provided by various a$enóes and groups.

WATCH THE Ò‹ VIDEO
TheStarTV.com

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | BSMM GERAKKAN LEBIH 30 SUKARELAWAN, AGIH BANTUAN MANGSA KEBAKARAN PUTRA HEIGHTS | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | 10 |
| TONE | POSITIF | SEKTOR | KPWKM |

# BSMM gerakkan lebih 30 sukarelawan, agih bantuan mangsa kebakaran Putra Heights

KUALA LUMPUR: Lebih 30 sukarelawan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dari Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur digerakkan ke lokasi sejak hari pertama insidan kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya.

Pengerusi Kebangsaan BSMM Tunku Temenggong Kedah Tunltu Putc•ri Intan Safinaz Almar hum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah berkata sukarelaz'an berkenaandigerakkanketiga pusat pemindahansementara (Pl'S) iaitu di Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights, Dewan Camellia Putra Heights dan Kuil Sri Mahamariamman bagi membantu menguruskan operasi PPS tersebut.

"SukarelawanBSMM yang beriugas di lapangan sejak hari pertama bukan sekadar membawa bantuan tetapi juga harapan dan sokongan dan kami akan ierus hcrada di sini sclagi di ulukan.

"Situasi int (kebakaran) tidak pcrnah hcrlaku sebesar int dan kita dapat belajar bagaimana menanganinya dengan lebih baik. Ini adalah mandat kami untuk membantu kerajaan setiap kali berlakunja bencana," katanya kepada pemberita



PRIHATiN:TunkuPuteriInNnSafinaz(tengah)berMnonmendengarceñtamangsainsidenkNpan paip gag Nur Nainie Najwa Mohmad Johar (kiri) di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Masjid Putra Heighu di Kuala Lumpur semalam. c

selepas program kunjungan ke PPS Masjid Putra Heights di siut semalam.

Tunku Puteri Intan Safinaz berkata BSMM turut mengagihkan barangan bantuan asas tc•rmasuk pck makanan, kit kchcrsihan diri termasuk pemcriksaan kesihatan asas kc•pada golongan re ntan terutama o•arga emas dan kanak-kanak scrta bantuan sokongan psikososial kepada individu yang mengalami tekanan emosi.

"Saya dapat lihat agensi kerajaan bekerjasama dengan baik untuk memberi sokongan yang diperlukan iermasuk dokumentasi dan infrastruktur. Saya minta kesinambunganininiditeruskan agar kita tidak lupa keperluan mcreka pada masa akan datang," katanya.

Mcngcnai pcranan BSMM di Mvanmar yang dilanda gempa bumi kuat baru-baru ini, Tunku Putcri Intan Safinaz memaklumkan BSMM bersama agensi dan badan amal yang lain telah menghantar 15 tan barangan ke negara itu setakat Isnin lepas.

"Saya telah bermesyuarat dengan Persatuan Palang Merah iaitu rakan kita di Styanmar untuk memastikan barang yang dihantar adalah barang yang diperlukan seperti barangan dapur dan kit pcmhersihan diri.

"Kita ingin tcrus mcnghantar harangan int, contohnya di peringkat ASEAN sudah pun menghantar barangan sanna yangdiperlukandanker;asama ini yang kita mahukan bagi membantu mereka,"katanya. — Bernama




# Kanak-kanak lelaki 11 tahun hamilkan sepupu 15 tahun

Sinar Harian
09/04/2025 14:29 MYT



*Mohd Yusoff (tengah) semasa sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di Kota Bharu pada Rabu. - Sinar Harian*

**KOTA BHARU:** Polis Kelantan mendedahkan seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun telah menghamilkan sepupunya yang berusia 15 tahun dipercayai atas dasar cinta bawah umur.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat berkata, kejadian yang dilaporkan berlaku minggu lalu itu menyebabkan kanak-kanak lelaki terbabit ditahan bagi membantu siasatan, manakala sepupunya diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Kes sumbang mahram di Kelantan sangat membimbangkan, apabila saban tahun kejadian rogol melibatkan bawah umur yang dilaporkan adalah kerana suka sama suka, bukannya paksaan.

"Tahun lepas sebanyak 252 kes direkodkan manakala tahun sebelumnya (2023) 206 kes. Tahun ini, dari Januari hingga Mac sudah meningkat 15.6 peratus jika dibandingkan tempoh yang sama pada 2024," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini, pada Rabu.

Menurut beliau, hasil siasatan pihak polis mendapati 98 peratus kes rogol di Kelantan berlaku kerana suka sama suka.

Ujarnya, lebih membimbangkan apabila kes tersebut melibatkan mangsa di bawah umur serta terdapat trend kanak-kanak perempuan mencari lelaki.

Mohd Yusoff memberitahu, hasil pemeriksaan terhadap telefon milik kanak-kanak perempuan terbabit banyak menemukan video serta gambar-gambar porno.

"Hasil penemuan kami juga mendapati kanak-kanak perempuan ini sanggup merekod gambar atau video bogel mereka dan dikongsi kepada lelaki yang baru dikenali melalui media sosial.

"Masyarakat terutama ibu bapa, pihak sekolah diharap tidak cuba menyembunyikan kes rogol melibatkan sumbang mahram terutama kanak-kanak. Kena lapor pada kami," katanya.

Menurut beliau, pihak polis bukan hendak mendedahkan peningkatan kes rogol di Kelantan, tetapi ingin menekankan masalah sosial yang sedang berlaku di negeri ini.

Ujarnya, hasil kajian pihak polis mendapati bahawa faktor seperti konflik keluarga, hubungan cinta, pendedahan kepada video atau gambar lucah, kurangnya didikan agama, pengaruh rakan sebaya, serta penggunaan dadah antara punca utama berlakunya perbuatan terkutuk tersebut.

Beliau menambah, 30 peratus daripada kes rogol dan sumbang mahram disumbangkan oleh penggunaan dadah, berdasarkan ujian air kencing yang dijalankan. -*Sinar Harian*

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | IBU **KANDUNG DERAANAK GUNA GUNTING** DITAHAN | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | HARIAN METRO |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | 19 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

# Ru kandung dem anW guna gunting ditWan

**Kangar:** Polis menahan seorang wanita bağ membantu siautan kes dera seorang kanak-kanak perempuan berusia ı ı tahun menggunakan gunting di sebuah rumah di sini, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Kangar Asisten Komisioner Yusharifuddin Mohd Yusop berkata, suspek beıMSIâ 33 tahun ditahan berhampiran jejambat Titi Kerbau, Jalan Changlun-Kuala Perlis di Changlun. Kedah kira-kira jam ı.yo pagi kelmarin.

Menurutnya, terdahulu polis menjalalan gerakan mengesan suspek dipercayai ibu kandung kanak-kanak itu selepas laporan polin dibuat guru besar sebuah sekolah rendah di Jitra di mana mangsa bersekolah.

"Selasa lalu, kita menerima satu laporan polis daripada guru besar terbabit menyatakan anak muridnya didakwa didera oleh ibu kandungnya.

"Kejadian hanya diketahui guru besar berkenaan kerana mendapati mangu lewat hadir ke sekolah dan laporan pemeriksaan doktor mendapati terdapat kesan luka di belakang badan. leher, kaki dan tangan mangsa akibat digigit serta dicueuk dipercayai menggunakan gunting.

"Ekoran laporan polis itu. mangsa ditahan di wad Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini, bagi mendapatkan rawatan susulan? katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, pihaknya kemudian mengesan suspek sebelum menahannya ketika pergi beraya di rumatt kenalan.

Katanya, polis merampas sebuah telefon Iphone iz warna merah bersama sekeping kad sim dan sebilah gunting berwarna ltuning dipercayai digunakan semoss kejadian.

"Suspek direman empat hari sehingga u April ini untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 3ıfıl(a) Akta Kanak-Kanak 2ool. Setakat ini, pihak polis masih menyiasat motif kejadian. katanya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi lbu Pejabat Daerah (IPD) Kangar di talian 04-s082 O bagi membantu siasatan.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | : KES ROGOL, SUMBANG MAHRAM DI KELANTAN MEMBIMBANGKAN | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | BERITA HARIAN |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | 16 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

# Kes rogol, sumbang mahram di Kelantan membimbangkan

## Kebanyakan kes berlaku babit mangsa, pelaku seawal usia lo tahun


Oleh **Nor Fazlina Abdul** Rahim
nfazlina(aıbh.com my


**Kota Bharu:** Kes rogol dan sumbangmahramdiKetsntan meme bimbangkaıt dengan menyaksi kan penîngkatan kes berlaku setiap tahun yang kebanyakan membmbi+kxnsukassmnsuka.

Lebih membimbangkan, kehanyakan mangsa dan pelaku remaja bawah umur iaitu seawal usia 10 tahun bagi perempuan dan 11 iahun bagi lelaki schingga ada dalam kalangan mereka mengandung.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, ketika ftiendedahkan perkara itu berkata. sepanjang tahun lalu sebanyak 252 kes **rogol dan** sumbang mahram direkorikan iaiiu meningkat berg banding 206 kes pada tahun sebelumnya.

Beliau erkata, psda suku perlama lahun ini juga merekmlkan peningkatan 17. l peratus berbanding tempoh sema tahun lalu.

"Bagi saya kes rogol üan sum bang mahram sangaı membimbangkan. Jika dulu lelaki yang mencari perempuan. namun k ini di Kelantan sebaliknya yang berlaku apabila perempuan yang mencarı lelalt i unİuk membuat hubungan.

“Ada kes beberapa bulan lalu, enak seudara perempuan berusia 10 tahun meminta membuat hubungan dengan bapa saudara berusia 20-an yang akhirnş'a mengandung.

“Ada iuga kes di mana lelaki berusia 11 tahun membuat hubungan dengan sepupu perempuan berusia 13 tahun sehingga mengandtmg. Lebih tragik remaja perempuan bawah umur, namun membuat hubungan sehingga denBan lima lelaki.



Mohd *YnmJf meny‹ımpaiknn* sijil prngh0rgo0n *kepodo anggoıa pclis pado* Mnjlis Perhimpunnn Bulonon JPK Xelontnn, semolnm.

()-'oto for î-azhna Abdul itah\nı/B!I j

### Konflik keluarga

Hasil siasutan yang 3îlakukan. iyi peratus kes yang dilaporkan adalah suka sama suka.’’ katanya pada sidang media di pejat›amya, di sini srmalam.

Mohd Yusoff berkata, hasil kajian pihaknya juga mendapati punce kejadian yang mendorong perbuatan İtu disebabkan konBik keluarga. selain kesibukan ibu bapa.

Selain itu katanya, faktor percintoan, kurang didikan agama, ı›rngaruh rakan sebaya mrta dadah juga menyumbang kepada kegtntan itu.

“Hasil rampasan telefon yang dilakukan terutama bagi wanİla. benyek gambar dan viderı pornografi disimpan dalam telefon bimbit mereka.

”Ada juga baru berkenalan beberapa minggu, namun sudah merakam gambar boBel dan **menghantsr kepeds raksn** lelakinya itu. Situasi ini sangat meme bimbangkan.

”Ada juga anak perempuan bawa belik rakan lelaki di rumnh dan tidur hersama dengan pengelohuan keluarga, namun keluarga hanş'a membiarkannya sahaja," katanya.

Justeru. beliau meminta semua pihak perlu memainkan peranan dalam mengekang jenayah rogol inî dan bukannya meıjjsdi langgungjawab PDRM semata-mata.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | : MEMBIMBANGKAN PEREMPUAN CARI LELAKI | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | |

## SUMBANG MAHRAM DI KELANTAN MENINGKAT

# Membimbangkan perempuan cari lelaki

**Kota Bharu:** Jumlah kes rogol dan sumbang matt-ram di Kelantan disifatkan sebagai membimbangkan berlkutan berlaku penlng-katan kes setiap tahun.

MbA membm angkan kebenyakan mangsa dan IelAu adalah remaJa ba-wah umw seawal usia u tahun sehingga ada dalam kalangan mereka mengan-dung.

Ketua 9olis Kelantan Da-tuk Mohd Yusoff Mamat berkata sepanjang tahun ÎBÎU, 2Ş2 Îf€S ¥' OÎ Ö&Tı SU¥¥t-bang mahnm direkodkan. naningkat berbanding ^**3¥*»8rnencaatkaO2& m.

Malah, katanya, un%k suku pertama tahun lnlJu-ga tnerekodkan peningka-tan 17.1 peratus berban-ding tenıpoh sama tahun lalu.

"Bagi saya, kes rogol dan sumbang mahram sangat membimbangkan. Jika du-lu ielaki yang mencmi pn rempuan, namun Üni di Kelantan sebaIikn@ yang berlaku apab?a peRmpuan yang mencari lelaki untuk membuat hubungan.

'Ada kes beberapa bulan lalu, anak saudara perem-puan bemsia il tahun, na-mun meminta a«mbuat hiungan dengan bapa saudam berusia zo-an yang akhîrnya hanül.

'M&ah ada juga kes di mana lelaki berusia il ta-hun membuat hubungan dengan sepupu perempuan twrusia lq tahun sehingga mengandung.

"Nasil siasatan, seba-nyak g8 peratus kes düa-porkan adalah suka sama suka? katanya pada sldang mÂedia fbu Pejabat Polis Kelantan di sini, sema-lam.

Beliau berkata, punca ke-jadian disebabkan konflik keluarga sekin kesibukan ibu bapa.




TAJUK . BIG RISE IN KELANTAN SEXUAL OFFENCES

| | | | |
|---|---|---|---|
| HARI | KMAMIS | AKHBAR | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | 10 APR 2025' | M/SURAT | 00 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

RAPE, IBCEST

# BI ISE IN KELANTAN SEXUAL OFFENCES

## Rape cases involve girls aged as young as 10 and 11, say police

SHARIFAH MAHSINAH A8DULLAH
**KOTA BARU**
news@nst.com.my

OLtCE say Eelantan has seen a sharg increase in the number of sexual offences, particularly involving underage girls, some as young as io.

Kelantan police chlef Datuk MohdYusoCmamatmüdGedaa was based on cases recorded stnce last year.

'State police are concerned about the fising number of sexual cases in 8elantan.

'In the tlrst three months of this year. we recorded 6S sexual offences. mostly rape and Incest.

'This is a more than 17 per cent increase compared with 4s cases recorded during the same perlo4 last year.'

He said this at the state police headquaners here.

Yusoff said what waseven more alarming was that some rape cases involved girls aged as young as 10 and it. wlih male suspeccs aged between u and U.

One case, he said. saw an If-year-old boy tmpregnace his ïS•year•old coustn.

*g"he incident was repozted to us last week and both claimod chan they were in love."

The boy was arrested after a police repon was lodged and tile girl was referred to the Welfare Department.

'In the Incest cases. ihe lndIvlduaJs Involved were aged between yO and in their 20s.

'Mosi of tne girls were found to be pregnant. wlth pregnancy durations ranging from one toseven months.' Yusoff said.

He said he did not intend to expose the matrer for sensationallsm. but that the information was hased on police investigations.

'Our probe also Indicated a worrying trend, where teenage girls or young women are seetlng partners for sexual actlvltim."

He added thai police investigations revealed i hat most of the "rape cases occurred with the girls' consent'.

'Our investigatlons showed that 9o per cent of eye young cou• pies commitzed the act willingly, and rhe rest were involved in such imroora4 activ" ities due to other circummances.

-In some cases. the girls" parent were aware of tfie situation but failed to repon it to tfie authorities

'Police were only informed through third parties. such as medical personnel heating the pregnant girls,' he said.

Apan from consensual involvement. he sald. other contñbutlng factors aze family conflict. tack of parental supervision. absence of religious educacion and drug abuse.

'1u some cases. we found pornogiaphic videos and images in the girls' mobile pfiones. which they had shared wlth thelr pa«ners.• he said.

He urged parents and the com•munity to help police address this concern.

'Village heads and imam must take this issue seriously.

'They should report such incidents to the police and contin•ue educating tAe public on che consequences involved." he said.

£ini«£ solid ñ4omo t

*Yusoff*

In an immediate re•sponse. che Kelantan govern ment said It viewed the matter se- 8fOuSÏ}.

Deputy Menten Besar Datuk Dr Mohamed Fadzli Hassan said the rate govern•menc wou Td obtai n detaHs from the police regarding tfie matter.

"This is a serious moral and social is•sue. primarily affect•ing the younger generation who lacks rellglous educai ion and fami ly supervislon.

be state government will step up ePoris to address the problem rtriough a commltteethai was established several years ago.

'A main committee to tackle social issues, involving state and federal agencies. has also been formed to coordinate a compre•hensive response.'

Fadzli said the state government has also launched Komuniti Rabbani lK-Rabbi. an integrated programme aimed at educating and refoming society.




# Buang bayi dalam mangkuk tandas, ibu dan anak didakwa esok – Polis

09 April 2025, 10:59pm




**SUNGAI BESAR:** Suspek kes buang bayi di tandas sebuah stesen minyak di Sungai Haji Dorani pada 23 Mac lalu bakal dituduh di mahkamah esok.

Perkara itu disahkan Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Md Yusof Ahmad ketika dihubungi hari ini.

"Pertuduhan terhadap ibu dan anak masing-masing berusia 41 dan 18 tahun itu akan dijalankan di Mahkamah Sungai Besar, jam 9 pagi," katanya.

Sebelum ini, pengunjung stesen minyak berkenaan gempar susulan penemuan mayat seorang bayi dalam tandas berkenaan.

Kejadian itu berlaku sekitar jam 11.15 pagi dimana mayat bayi berkenaan ditemui dalam keadaan terlangkup dalam lubang tandas.

Polis bagaimanapun telah menahan dua beranak itu di dua lokasi berasingan di sekitar Kapar, Klang bagi tujuan siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksaan.




| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | EX-WELFARE DEPARTMENT OFFICER JAILED 468 YEARS, FINED RM18O MLN FOR MONEY LAUNDERING, CBT | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | THE BORNEO POST |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | 01 |
| TONE | NEUTRAL | SEKTOR | KPWKM |



I•lohd ZaiTut) is led cway cRw wtet+¢ictg. —Pho' n h\' Desir°e n.1'zi

# Ex-weZare department officer jailed 468years, fined RMi8o mln for money laundering, CBT

Desiree David

EUCXING: The Sessions Court here yesterday sentenced a former Sarawak Welfare Department financial administrative assistant to a to‹al of s68 yeats in jail, a ftnr of RHt80 million in default 36 months'jail **and three strokes of** the mtan for committing rRoney laundering and criminal breach of trust ĽC BT) involving over Bl•Ii6 million

Judge Husli Ab Hamid imposed the sentence aner f°lohd Zairull Arzuan f4ohd Shamsuddin I a'afar e Ang Chui "I"hong, 38. p1eaded gu›lty I a 36 charges of money laundering and three tounts of CBT.

For rarh of the 36 moneY launderingcharges. the accused was sentenced to it years' imprisanrrent and a hue of R1'4S million in default one month's jail. with the jail terms to run concurrently.

For each of {he three CBT charges. he was sentenced to t2 years" imprisonmrn t and one strpke of the cane. with the jail terms to a)s<i run concurrently.

The c¢zicurzent sentences mean ]'tohd Zairull will spend at least 12 years behind bars and an additional three years if he fails to pay the RMl8o million fine.

The rmney laundering charges were framed under Section i(i)lb) of the Anti-i ioney Laundering Anti-Terrorism financing and **Proceeds of** Unlawful Activities Art 2001, punishable under Section s{1) of the same Act.

The CBT charges were frarrted under Section ao9 of the Penal Code *hich cames a jail term between two and 20 years" imprisonment with whipping or fine. upon confiction.

Plohd Zairull committed the money laundering offences between 2020 and 2OZ2 involving a tata) of RN6.0!3.SO+-30. while the CBT offences took place between 2019 and 2021 involving RHiozm3So.iz

It is undrrsteod that t4ohd Zsirull's salary statement revealedsuspicioustransaclions. with over Rhlemillion bring credited into his.salary account.

It is also understeml that the *actvsed.* who was the officer responsible for the salary simulation of the department had submiMed his resignation lener elective Jan 3!. 2oZ2.

However. he shortened his notice period and resigned with immediate effect on 0'ec 31.202\.

Deputy public prosecutors Wan Nur Amanina Wan Din. Mohd Ashrof Kamacul and I•lanjira Vasudevan prosecuted. while the accused was represented by counsel Christopher Bada.




# Rogol anak, bapa tiri dipenjara 30 tahun, 36 sebatan

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my




Seorang bapa tiri berusia 35 tahun dikenakan hukuman penjara selama 30 tahun dan 36 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Pasir Mas: Seorang bapa tiri dikenakan hukuman penjara 30 tahun dan 36 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, selepas mengaku bersalah terhadap tiga pertuduhan merogol anak perempuan di bawah umur antara Jun 2021 hingga Mac 2025.

Tertuduh berusia 35 tahun yang bekerja sebagai buruh membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Zulkipli Abdullah.

Zulkipli mengarahkan tertuduh menjalani hukuman penjara 10 tahun dan 12 sebatan masing-masing untuk setiap pertuduhan dengan jumlah keseluruhan 30 tahun penjara bermula dari tarikh ditangkap pada 29 Mac 2025 dan 36 sebatan. Walau bagaimanapun sebatan maksimum adalah sebanyak 24 sebatan.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketiga, tertuduh didakwa merogol mangsa berusia 13 tahun yang mana hubungan tertuduh dengan mangsa tidak dibenarkan di bawah undang-undang untuk berkahwin.

Perbuatan itu dilakukan di bilik sebuah rumah di Kuala Balah dekat Jeli kejadian antara Jun 2021, Oktober 2024 dan Mac 2025.

Pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan (KK) dan dibacakan bersama Seksyen 16, Seksyen 26 dan Seksyen 27 Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKSTKK) 2017.

Bagi Seksyen 376 (3) KK memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lapan tahun dan tidak lebih 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan.

Seksyen 16 AKSTKK 2017 boleh dipenjara sehingga lima tahun dan tidak kurang dua sebatan serta Seksyen 26 AKSTKK 2017 pula perintah kaunseling dalam tempoh penahanan. Seksyen 27 AKSTKK 2017 adalah perintah pengawasan polis tidak kurang satu tahun sehingga tiga tahun selepas habis tempoh hukuman.

Menurut fakta kes, kejadian diketahui selepas mangsa bersama ibunya ke klinik dan disahkan mengandung 20 minggu.

Mangsa bersama ibunya ke Balai Polis Kuala Balah untuk buat laporan polis dan tertuduh ditahan jam 9.40 malam pada 29 Mac lalu.

Hasil siasatan mendapati tertuduh merogol mangsa pada Jun 2021 ketika mangsa berusia 13 tahun, pada penghujung Oktober dan awal November 2024 ketika mangsa berusia 16 tahun 5 bulan dan Mac 2025 ketika mangsa berusia 16 tahun 10 bulan, tanpa kerelaan remaja itu.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Siti Aiysha Na'ilah Harizan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh merayu hukuman diringankan atas alasan masih muda, mempunyai tiga anak tiri dan seorang anak kandung, serta mahu berkahwin dengan anak tirinya.

Pendakwa, Siti Aiysha Na'ilah memohon hukuman setimpal kerana tertuduh tidak insaf dan bagi memberi pengajaran, mengambil kira hubungan dengan mangsa.

Hakim menegaskan bahawa tertuduh tidak dibenarkan berkahwin dengan mangsa sebelum menjatuhkan hukuman.

**Disiarkan pada: April 9, 2025 @ 2:47pm**




# Anak kakitangan pusat pendidikan swasta ditahan, didakwa liwat pelajar 14 tahun

Oleh Nor Azizah Mokhtar - April 9, 2025 @ 11:46am
bhnews@bh.com.my




KUALA LUMPUR: Polis menahan seorang remaja berusia 18 tahun yang juga anak kakitangan pusat pendidikan swasta di Ampang bagi membantu siasatan kes liwat seorang pelajar di situ tahun lalu.

Kejadian terbongkar selepas rakan mangsa yang mengetahui perkara itu menceritakan kepada ibunya sebelum wanita terbabit memaklumkan kepada bapa mangsa.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan, berkata pihaknya menerima laporan daripada bapa mangsa yang berusia 39 tahun pada Ahad lalu.

Menurutnya, pengadu memaklumkan kejadian berlaku pada April tahun lalu dan mendakwa anaknya yang ketika itu berusia 14 tahun, diliwat oleh anak seorang kakitangan pusat pendidikan swasta dalam bilik air.

"Sebelum itu pada hari yang sama ketika berada di dalam bilik asrama, suspek didakwa memeluk mangsa dan mengambil tangan kiri mangsa lalu masukkan ke dalam seluar suspek untuk melakukan perkara tidak senonoh.

"Akibat kejadian terbabit, mangsa kini mengalami trauma," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Siti Kamsiah berkata, mangsa hanya menceritakan kejadian terbabit kepada rakannya dan tidak menceritakan kejadian itu kepada bapanya kerana takut dimarahi.

"Susulan itu, polis menahan suspek berusia 18 tahun bagi membantu siasatan," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

# Miliki video pornografi kanak-kanak, lelaki dipenjara lima tahun, sebat

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my




TERTUDUH (tengah) dihukum penjara lima tahun, tiga sebatan kerana memiliki video pornografi kanak-kanak. FOTO Nik Abdullah Nik Omar.

Pasir Mas: Pembantu jurujual warga Indonesia dipenjara lima tahun dan tiga sebatan di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini kerana memiliki video pornografi kanak-kanak perempuan.

Hukuman diputuskan Hakim Zulkipli Abdullah selepas tertuduh, Depison Ahlan, 25, mengaku bersalah terhadap pertuduhan.

Dia dituduh meminta dan memiliki video pornografi seorang kanak-kanak perempuan berusia 11 tahun ketika mangsa berada di Tanah Merah antara 1 tengah hari hingga 2.30 petang, 10 Mac 2025.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 8(b) Akta Kesalahan Seksual terhadap Kanak-Kanak 2017.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh ditahan pada 27 Mac lalu di Terminal Bas Meru Raya, Ipoh, Perak selepas polis menerima laporan pengadu yang mendakwa anak perempuannya berusia 11 tahun diugut tertuduh.

Pengadu mengesan kelakuan pelik kanak-kanak itu yang kerap berkurung dalam bilik dan merampas telefon bimbitnya serta mendapati terdapat mesej berunsur ugutan bersama video bogel anaknya.

Tertuduh dikatakan memaksa anak pengadu menjawab panggilan video dan mengugut akan menularkan video bogel mangsa sekiranya tidak menjawab panggilan itu.

Mangsa memaklumkan mengenali tertuduh menerusi permainan 'Mobile Legend' dan mereka bertukar nombor telefon. Mangsa juga mendakwa tertuduh meminta video bogel sambil melakukan aksi lucah sekiranya tidak mahu nombor telefon mangsa disebarkan.

Susulan tangkapan tertuduh, polis menemui 59 video lucah termasuk video bogel mangsa di bahagian arkib WhatsApp tertuduh.

Terdahulu pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Siti Aiysha Na'ilah Harizan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

**Disiarkan pada: April 9, 2025 @ 4:37pm**

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK | SOLDIER DENIES DAMAGING WOMAN'S CAR | | |
| HARI | KHAMIS | AKHBAR | THE STAR |
| TARIKH | 10 APR 2025 | M/SURAT | 08 |
| TONE | NEGATIF | SEKTOR | KPWKM |

# Soldier denies damaging woman's car

SFiRI:MBAN: A iiS-year-old soldier claimed trial to a charge of causing damage to a woman's com following a minor tralTic incident.

›\bdul 1**r* Babu Bakar pleaded not guilty bel'ore magistrate Nurul Saqinah Rosli here yesterday.

lie was charged isilh committing n chief by causklg damage to the driver's char door nat on hlarch 29 at Tanian Satria iii Scnaivong.

The offence carries a jail term of between one and five years or a fine or hoth, upon conviction.

Deputy public prosecutor hadia lixxai i hlohd Z.ain‹al .asketl the court to set bail at R.V8.000. peid-ing next mention.

Nurul Saqinah then set bail at RM2,000 with one surety and r«ed Slay 19 for re-mention.

l'he accused posted the bail.